

29 AUG 1997

Mahathir-Mufti

KERAJAAN AKAN KEMUKA CADANGAN KEPADA MAJLIS RAJA-RAJA

PASIR PUTIH, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan akan mengemukakan cadangan kepada Majlis Raja-Raja supaya mufti tidak lagi menguruskan Jawatankuasa Fatwa Negeri bagi mengelakkan percanggahan kepentingan.

Tindakan itu perlu diambil bagi mengelakkan seseorang mufti membuat fatwa dan kemudian meluluskannya sedangkan beliau sendiri menguruskan jawatankuasa yang membincangkan perkara itu, seperti yang berlaku sekarang, katanya.

"Jikalau mufti ingin membuat fatwa, beliau mestilah merujuk kepada sebuah jawatankuasa fatwa yang dianggotai oleh pihak lain dan mempunyai pakar-pakar rujuk," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Konvensyen UMNO/Barisan Nasional Kelantan di Semerak di sini.

Menurutnya tindakan itu bukan bertujuan untuk menukar sistem pentadbiran mufti yang ada sekarang, tetapi ia perlu dibuat kerana ada sesetengah undang-undang dan fatwa sebelum ini didapati tidak selaras.

"Umpamanya di Wilayah Persekutuan, mufti boleh membuat fatwa dan fatwa itu akan dikaji oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh mufti dan mufti selepas itu boleh mewartakannya" kata Dr Mahathir.

"Jadi nampaknya, jikalau dia juga menguruskan jawatankuasa itu tentulah perbincangan tidak begitu menyeluruh," katanya.

Perdana Menteri berkata, mufti boleh terlibat dalam jawatankuasa itu, tetapi bukan sebagai pengurus.

Mengenai usaha mewujudkan Mufti Negara, Dr Mahathir berkata usaha itu sukar dilakukan kerana mufti, kerajaan negeri dan raja-raja berpendapat perkara yang berkaitan dengan agama adalah hak mereka.

"Bagaimanapun, mereka bersetuju fatwa perlu diselaraskan, supaya fatwa yang diluluskan boleh digunakan oleh semua negeri."--BERNAMA

RAR RI